

'Pastikan tambang ECRL tak mahal'

BH- 24/6/2022 w/8:5

中国交建
CONSTRUCTION

TEROWONG GENTING

MALAYSIA RAIL



Ismail Sabri merasmikan Permulaan Pengorekan Terowong Genting ECRL Pahang di Bukit Tinggi, Bentong, semalam.

(Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

PM mahu kementerian, pihak berkepentingan rangka kadar bersifat mesra rakyat

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bentong: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta Kementerian Pengangkutan (MOT) berbin-cang dengan pihak berkepentingan bagi merangka kadar tambang perkhidmatan Projek La-luan Rel Pantai Timur (ECRL) yang amat berpatutan.

Perdana Menteri berkata, tambang itu seharusnya seperti kadar tambang perkhidmatan tren elektrik (ETS) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang mesra rakyat.

"Sebelum ini sudah ada di media sosial memperkatakan tambang ECRL akan mahal. Ini fitnah," katanya pada Majlis Perasmian Permulaan Pembinaan Terowong Genting ECRL Pahang di sini, semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, sebuah syarikat usaha sama dengan nisbah kepentingan 50:50 antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company (CCCC) sedang diran-

cang penubuhannya.

Beliau berkata, ia bagi menajayakan pengendalian operasi perkhidmatan ECRL, termasuk menanggung kos dan risiko operasi secara bersama.

"Kerajaan difahamkan MRL bakal menjana pendapatan sampingan yang dapat menampung kos pengoperasian dan bayaran balik pinjaman pembinaan projek ECRL dari China EXIM Bank.

"Syarikat usaha sama ini bakal menyediakan bantuan teknikal dan memperhebatkan pemindahan teknologi kereta api serta bersama-sama mengendali dan menyelenggarakan ECRL untuk jangka panjang," katanya.

Perdana Menteri berkata, projek ECRL ini menyaksikan pembabitan lebih 1,500 syarikat tempatan iaitu daripada kontraktor, pembekal dan perunding.

Katanya, ini sejajar dengan

persetujuan antara MRL dan CCCC untuk melantik subkontraktor dan pembekal tempatan bagi sekurang-kurangnya 40 peratus daripada kerja sivil projek ini yang dianggarkan bernilai sehingga RM10 bilion.

"Setakat April lalu, lebih RM7 bilion nilai kontrak kerja sivil ditawarkan kepada subkontraktor dan pembekal tempatan bagi projek ECRL di negeri Pantai Timur.

"Pihak CCCC juga bersetuju memberi perhatian khas kepada pelantikan kontraktor kecil bersaiz Gred G1G3 bagi memberi manfaat langsung kepada mereka.

"Sebuah 'Jawatankuasa Khas Penyertaan Kontraktor Tempatan dan Bumiputera Projek ECRL' ditubuhkan bagi memantau dan memastikan penyertaan efektif syarikat tempatan berke-layakan," katanya.